20

# KAJIAN SOSIO-EKONOMI PENEROKA FELDA, SATU KAJIAN KES DI RANCANGAN FELDA LIOK, SELAMA, PERAK

OLEH

CHEW CHEE KING

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

(SESSI 1985/86)

# KAJIAN SOSIO-EKONOMI PENEROKA FELDA.
# SATU KAJIAN KES DI RANCANGAN FELDA IJOK, SELAMA, PERAK.

OLEH

CHEW CHEE KING

LATIHAN ILMIAH INI ADALAH UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA

PENYELIA
Dr. PANGIRAS MICHAEL
DAN
Dr. K.U. SIRINANDA

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

(SIDANG 1985/86)

## Abstrak

FELDA, agensi pembangunan tanah yang terbesar di Malaysia pada masa sekarang, ditubuhkan pada tahun 1956 dengan tujuan untuk mencapai objektif-objektif jangka pendek dan panjang. Secara ringkas, objektif-objektif jangka pendek meliputi: membuka tanah yang belum dimajukan untuk kegunaan pertanian dan petempatan, terutamanya untuk yang miskin dan yang tiada bertanah; menganjurkan pengembelingan sumber tanah dan tenaga manusia dengan teratur dan sistematis; dan mewujudkan satu gulongan petani moden. Objektif-objektif jangka panjang termasuklah: menghapuskan pengangguran dan gunatenaga tidak penuh di kawasan luar bandar lantas membasmi kemiskinan; mengatasi masalah kekurangan tanah dan masalah hakmilik tanah yang tidak ekonomik; dan memperluaskan lagi kawasan pertanian selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti pertanian dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Latihan ilmiah ini adalah satu kajian kes terhadap aspek sosio-ekonomi sesebuah skim FELDA, iaitu Skim FELDA Ijok dalam Daerah Selama, Perak. Objektif-objektif kajian ini termasuk: menilai sejauhmanakah objektif-objektif skim FELDA tercapai; mengesan masalah-masalah yang dihadapi oleh Skim FELDA Ijok; dan mengumpul dan menentukan tanggapan para peneroka skim ini terhadap kehidupan baru sebagai peneroka ladang tanaman dagangan.

Oleh sebab kajian ini menekankan aspek sosio-ekonomi peneroka sebelum dan sesudah menyertai skim FELDA, maka maklumat-maklumat yang didapati melalui soalselidik dan temubual dihadkan kepada sebilangan petunjuk sosio-ekonomi terpilih yang termasuk keperluan-keperluan asasi manusia, seperti yang dicadangkan oleh Pejabat Buruh Antarabangsa (ILO).

Di samping menelitikan masalah-masalah,kajian ini juga membincangkan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Diharapkan bahawa menerusi kajian ini semua perubahan sosial dan ekonomi yang dialami oleh para peneroka skim berkenaan akan dikenali,dan tanggapan-tanggapan mereka terhadap kehidupan baru sebagai peneroka FELDA akan diperjelaskan.

## Abstract

FELDA, the largest land development agency in Malaysia today, was formed in 1956 with the aims of achieving both short and long term objectives. Briefly, its short term objectives are: development of new land for agricultural and settlement purposes, mainly for the poor and the landless; utilization of land and human resources in an orderly and sistematic way; and the creation of modern farmers. Its long term objectives include: eradicating unemployment and over-employment in the rural sector, with an ultimate aim to overcome the problems of poverty in that sector; overcoming the problems of landless and uneconomic sized land units; and lastly, increasing the total cultivated land in Malaysia so as to be in line with the government's aims of increasing agricultural activities and boosting economic growth in Malaysia.

This academic exercise is a case study on the socio-eonomic aspects of a FELDA scheme, namely Ijok FELDA Scheme, in Selama District, Perak. The objectives of this study include: an evaluation of this particular scheme's achievements in terms of its objectives; highlighting the problems faced by the scheme; and collecting and ascertaining settlers' perceptions on new life as commercial crop farmers.

As this study emphasizes the socio-economic aspects of settlers before and after they joined FELDA scheme, information obtained through questionaires and interviews are limited to a few selected socio-economic indicators which include the basic needs as suggested by The International Labour Office (ILO).

In addition to examining the problems, this study also discusses the measures taken to overcome these problems.

It is hoped that through this study all the social and economic changes experienced by these settlers will be made known,and their perceptions on their new life as FELDA settlers will be clarified.